



Asian Social Work Journal (ASWJ)

Volume 2, Issue 2, November 2017

e-ISSN : 0128-1577

Journal home page:
www.msocialwork.com

Status Kewarganegaraan Mempengaruhi Konsep Kendiri Dalam Kalangan Remaja: Kajian Kes di Kuala Lumpur Krash Pad, Yayasan Chow Kit

Aminuddin Ibrahim Lastar¹, Nor Masitah Ahamad Shaleh², M.Pusenthi P.Maniam², Siti Nur Nadia Ahmad Razil²

¹Faculty of Psychology and Education, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

²Kuala Lumpur Krash Pad, Yayasan Chow Kit

Correspondence: Aminuddin Ibrahim Lastar (aminuddin@ums.edu.my)

Abstrak

Kajian kes ini adalah bertujuan untuk mengetahui status kewarganegaraan mempengaruhi konsep kendiri dalam kalangan remaja yang berada di Kuala Lumpur Krash Pad. Kajian kes ini dijalankan dalam kalangan remaja yang tidak memiliki status warganegara Malaysia dan berada di KL Krash Pad. Kajian ini berbentuk kualitatif dan data dikumpul melalui sesi temu bual berstruktur secara bersemuka. Alat ukuran kajian merupakan soalan temu bual yang merangkumi lima bahagian, iaitu demografi, pengalaman, aktiviti harian, tingkah laku, status dan pergaulan sosial (komunikasi). Subjek terdiri daripada enam orang remaja yang berumur lingkungan 13-18 tahun. Data daripada temu bual dianalisis untuk mendapatkan penemuan kepada kata kunci dan tema yang kemudiannya dikategorikan sebagai faktor penyumbang yang mempengaruhi konsep kendiri remaja bukan berstatus warganegara Malaysia / tanpa sempadan yang mengikuti program di Kuala Lumpur Krash Pad.

Kata kunci: status, kewarganegaraan, konsep kendiri, remaja

Citizenship Status Influencing Self-Concept Among Teenagers: A Case Study in Kuala Lumpur Krash Pad, Chow Kit Foundation

Abstract

The purpose of this case study is to identify the influence of citizenship status in teenagers' self-concept who are at Kuala Lumpur Krash pad. The study is specifically conducted among those teenagers who do not hold any citizenship status and attending KL Krash pad regularly. This is a qualitative study in which the data was gathered by conducting a face to face session using a structured interview questions. The content of the interview was divided into five sections namely; demographic, experiences, behavioural, status, and social interactions (communication). There were six participants involed in this study who were from the range of age 13-18 years old. The data was then analised for key words and gategorised under specific themes in which became the factors in contributing the influence of citizenship status on self-concept among the non Malaysian /boaderless teenagers who are attending programs at Kuala Lumpur Krash Pad.

Key words: status, citizenship, self-concept, teenagers

Pengenalan

Dalam arus globalisasi kini seiring dengan perkembangan era teknologi yang berleluasa, golongan muda atau lebih dikenali golongan remaja merupakan aset penting bagi sesebuah negara untuk melahirkan modal insan atau pewaris generasi yang sangat berkaliber dan berwawasan bagi meneruskan kejayaan negara. Dalam kehidupan seseorang manusia, zaman atau waktu remaja merupakan satu peringkat perkembangan yang penting dalam proses kehidupan seseorang individu kerana ianya merupakan satu jangka masa peralihan yang sangat lama daripada alam kanak-kanak ke alam dewasa yang memerlukan penyediaan yang berkesan dan berkualiti (Caspi, 2000).

Berpatutan dengan tajuk kajian ini bagi melihat hubungan status kewarganegaraan mempengaruhi konsep sendiri dalam kalangan remaja, yang telah menjadi trend migrasi di Malaysia dengan anggaran global pada tahun 2005 mencecah 200 juta individu warga asing, iaitu tiga peratus populasi bumi berbanding 165 juta pada tahun 1990 (Utusan Malaysia, 2013). Perbezaan angka ini sangat besar dan sudah tentu bakal memberi impak kepada Negara dalam berbagai aspek seperti sosial dan ekonomi.

Definisi status adalah taraf atau kedudukan merujuk kepada orang, negara dan lain-lain. Manakala, pengertian status menurut ahli sosiologi adalah salah satu tempat atau posisi seseorang dalam kelompok sosial atau masyarakat secara umum sehubungan dengan keberadaan orang lain di sekitarnya (Idianto Muin, 2013). Definisi bagi kewarganegaraan pula merujuk kepada kerakyatan sesebuah Negara. Justeru itu, kajian ini, hanya difokuskan kepada individu yang tidak mempunyai status kewarganegaraan seiring dengan maksud tidak mempunyai taraf atau kedudukan kerakyatan sesebuah negara.

Menurut pandangan Mohd Salleh (1997), menyatakan bahawa konsep kewarganegaraan ini adalah merujuk kepada kepatuhan rakyat kepada negara melalui ketaatan kepada raja negeri atau raja negara yang sedang memerintah dan berguna untuk membezakan rakyat yang berstatus warganegara dan bukan warganegara. Hal ini kerana, individu yang berstatus warganegara berhak menerima segala faedah dan kebebasan untuk bergerak termasuklah menjawat jawatan dalam sektor pekerjaan dan perkhidmatan yang disediakan di sesebuah negara (Muhd Nadzir Ibrahim & Kamarul Ismail, 2014).

Sehubungan dengan itu juga, Tengku Kasim & Tengku Sarina (1999) menyatakan bahawa konsep sendiri merupakan satu tindak balas yang boleh dipelajari dan akan membentuk satu jangkaan yang positif ataupun yang negatif terhadap diri sendiri dan pembentukan peribadi seterusnya. Konsep ini telah lama terbentuk semenjak seseorang individu itu masih kanak-kanak. Hal ini kerana, kanak-kanak mula menyedari bahawa mereka adalah individu yang istimewa dan mempunyai banyak perbezaan dan kelainan daripada individu yang lain. Tidak kira perempuan atau lelaki, mereka akan mula menyedari tentang keadaan ciri-ciri fizikal dan perbezaan peranan yang harus mereka mainkan. Manakala, Jamaludin (2010) mendefinisikan bahawa konsep sendiri sebagai penilaian seseorang ke atas dirinya sendiri atau bagaimana ia menganggap tentang dirinya sendiri sama ada secara positif atau negatif yang berkaitan dengan perasaan terhadap kebolehan diri, perkara yang berlaku pada diri dan perkara yang akan berlaku pada diri. Hal ini juga meliputi penilaian orang lain terhadap dirinya, persepsi tentang dirinya merangkumi perasaan, keyakinan dan harga diri.

Menurut Rogers (1951), yang dikemukakan dalam Terapi Pusatan-Klien telah berpendapat bahawa konsep sendiri ini merupakan gabungan daripada tiga aspek iaitu penilaian sendiri, penilaian orang lain dan penilaiannya mengenai persepsi orang lain terhadap dirinya. Beliau telah membahagikan sendiri kepada dua iaitu sebagai struktur yang bermaksud persepsi individu terhadap dirinya atau imej sendiri dan sebagai proses di mana penilaian atau penghargaan individu terhadap kendirinya. Seterusnya membentuk konsep sendiri yang merangkumi kognisi sendiri, sendiri dari aspek orang lain dan sendiri ideal. Menurut Mc Candless & Evan (1973) pula, mereka membahagikan konsep sendiri ini kepada tiga komponen yang saling berkait rapat iaitu konsep sendiri, penghargaan sendiri dan identiti (Tengku Kasim & Tengku Sarina, 1999).

Namun, Felker (1974) mendefinisikan konsep sendiri sebagai satu keadaan yang berperanan aktif dan dinamik dalam menentukan pengalaman yang akan dilalui oleh seseorang. Terdapat tiga fungsi konsep sendiri terhadap tingkah laku manusia iaitu sebagai penentu ketekalan dalaman, penginterpretasi dalaman dan pembina harapan (Tengku Kasim & Tengku Sarina, 1999).

Remaja yang dimaksudkan dalam penyelidikan ini adalah remaja yang mengikuti program akademik yang dilakukan di Kuala Lumpur Krash Pad. Mereka berumur dari 13 tahun hingga 18 tahun. Papalia dan Olds (2001) menyatakan definisi remaja adalah berada dalam ruang lingkup usia masa remaja. Masa remaja adalah transisi perkembangan antara waktu kanak-kanak dan waktu remaja yang pada umumnya bermula pada umur 13 tahun dan berakhir pada awal puluhan tahun. Remaja merupakan golongan yang mengalami alam peralihan dari zaman kanak-kanak yang tidak bebas kepada satu zaman dewasa yang bebas merangkumi penyesuaian dan adaptasi baru dengan membezakan tingkah laku dewasa dan tingkah laku kanak-kanak (Tengku Kasim & Tengku Sarina, 1999).

Kajian ini dibuat dengan kepentingan untuk melihat sejauh manakah status kewarganegaraan ini mampu mempengaruhi konsep sendiri remaja. Kajian ini juga menumpukan kepada bagaimanakah status ini mempengaruhi remaja sama ada dari segi pengalaman mereka sendiri, aktiviti harian mereka melalui pendidikan yang diterima, tingkah laku mereka dan pergaulan sosial bersama rakan. Berdasarkan maklumat yang diperolehi, penting untuk mengetahui isu-isu yang dihadapi oleh remaja sekarang. Oleh itu, objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimana status kewarganegaraan itu mempengaruhi konsep sendiri dalam kalangan remaja KL Krash Pad yang terdiri dari kalangan remaja tanpa sempadan yang tidak mempunyai sebarang kerakyatan.

Maka oleh yang demikian, adalah bertepatan untuk melihat senario ini dan menjelaskan kemungkinan yang dihadapi oleh remaja di KL Krash Pad ini dengan menggunakan Teori Pembelajaran Sosial Bandura / Teori Kognitif Sosial. Ini adalah kerana asas kepada pembentukan sendiri remaja itu adalah melalui pemerhatian dan imitasi yang dilakukan mereka terhadap persekitaran dan juga melalui interaksi sosial yang mereka lalui (Eckerman & Peterman, 2001). Bandura telah mengkaji pemerhatian gerak balas yang ditunjukkan oleh orang lain. Tingkah laku orang lain yang boleh dipelajari melalui bahasa, perlakuan, contoh dan teladan. Bandura menyatakan bahawa seseorang itu akan meniru sesuatu tindak balas jika memperoleh kepuasan dan penguatan yang tinggi.

Selain daripada itu Teori Psikososial Erikson juga diguna pakai dalam menerangkan kumpulan umur remaja dan karekteristik mereka. Di dalam teori Erikson, terdapat lapan peringkat perkembangan manusia melalui kehidupan. Setiap individu mempunyai keunikan perkembangan pada setiap peringkat itu. Teori ini sangat sesuai untuk menjelaskan bagaimana pengalaman, tingkah laku, pergaulan sosial dan aktiviti harian itu mempengaruhi konsep sendiri di kalangan remaja yang bakal mengharungi peralihan kanak-kanak ke alam dewasa. Lapan peringkat tersebut adalah kepercayaan berlawanan dengan ketidakpercayaan, autonomi berlawanan dengan malu atau keraguan, berinisiatif berlawanan dengan rasa bersalah, industri berlawanan dengan rendah diri, identiti berlawanan kekeliruan identiti, keintiman berlawanan pengasingan, generatif berlawanan dengan genangan dan integriti berlawanan putus asa (Santrok, 2014). Namun, penyelidikan ini akan fokuskan kepada peringkat kanak-kanak yang berumur antara 13 tahun hingga 18 tahun. Oleh itu, peringkat identiti berlawanan kekeliruan identiti akan dikaji melalui apa pengalaman yang dilalui, apa aktiviti yang dilakukan dan lain-lain seperti yang dinyatakan di objektif.

Kuala Lumpur Krash Pad, Yayasan Chow Kit

Ianya merupakan satu pusat yang ditubuhkan dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat Malaysia untuk remaja yang tidak mempunyai status kerakyatan sah di sekitar Kuala Lumpur. Pusat ini bertujuan untuk membantu melengkapkan keperluan dan hak kemanusiaan untuk remaja tersebut yang berisiko tinggi terdedah dengan belbagai pengaruh negatif dan agresif di persekitaran seperti gengsterisma, penyalahgunaan bahan terlarang dan narkotik, jenayah, serta jangkitan HIV/AIDS. Di KL Krash Pad ini mereka diberikan pendidikan secara berstruktur untuk

meningkatkan kemahiran literasi dan kemahiran halus lain. Remaja ini juga didedahkan kepada kemahiran lain yang boleh membantu mereka dalam penjanaan diri (*self sufficient skills*).

Metod Kajian

Kajian kualitatif ini akan mengumpul data melalui temu bual secara bersemuka. Sesi temu bual akan diadakan di bilik yang kosong mengikut kekosongan bilik tersebut terhadap enam orang remaja yang tidak mempunyai kewarganegaraan bertujuan untuk memahami dan mentafsir makna individu mengikut apa yang telah mereka lalui. Responden diminta untuk menjawab beberapa soalan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan.

Sampel & Tempat Kajian

Remaja yang berdaftar dibawah Yayasan Chow Kit berumur dari 13 tahun hingga 18 tahun. Seramai 6 orang remaja yang tidak mempunyai status kewarganegaraan ditemubual bagi menjalankan kajian iniyang dilakukan di Kuala Lumpur Krash Pad, Yayasan Chow Kit.

Alat Ukuran

Soalan temu bual mempunyai 15 soalan yang merangkumi lima bahagian. Bahagian pertama mempunyai 3 soalan yang menjurus kepada demografi responden. Manakala, setiap 3 soalan seterusnya mewakili bahagian pengalaman, aktiviti harian, tingkah laku dan pergaulan sosial/komunikasi. Subjek diajukan semua soalan dalam temu bual ini. Setiap sesi temu bual akan dirakamkan dan akan diterjemahkan oleh penyelidik. Walaubagaimana pun, jika subjek tidak selesa dengan soalan yang bakal diajukan, dengan serta merta sesi tersebut akan dihentikan.

Analisis Data

Data diperoleh daripada pemerhatian, rujukan daripada pihak organisasi dan temu bual yang dirakamkan suara untuk setiap klien. Data ini dianalisis dengan melakukan terjemahan lisan menggunakan cara mendengar kembali, menulis verbatim dan mengkategorikan serta menjadualkan pernyataan-pernyataan yang berlangsung dengan klien semasa sesi temu bual. Analisis verbatim ini dibandingkan dengan laporan bertulis mengenai klien di organisasi tentang sesi yang berlangsung untuk memastikan keselarasan maklumat yang diperoleh. Rujukan maksud yang dinyatakan oleh klien juga dilakukan untuk kesahan maklumat dan intepretasi. Petikan interaksi dibuat agar menjurus kepada persoalan kajian secara sistematik dan hasilnya dapat memberi maklumat yang bermakna.

Dapatan dan Perbincangan

Soalan kajian bahagian 1: Pengalaman yang dilalui sebagai individu yang tidak mempunyai status kewarganegaraan dalam membantu pembentukan konsep sendiri.

Berdasarkan sesi temu bual, terdapat beberapa faktor yang mendorong remaja tidak mempunyai status kewarganegaraan ini mempengaruhi konsep sendiri mereka. Pengalaman sepanjang kehidupan mereka telah menjadi faktor utama dalam pembentukan konsep sendiri seseorang individu yang tidak mempunyai taraf kewarganegaraan ini. Sebagai remaja, mereka masih berada dalam sistem pembelajaran dimana setiap apa yang berlaku pada diri mereka, akan mereka nilai sendiri (*self evaluation*) secara dalaman (Agnew, Matthews, Bucher, Welcher, & Keyes, 2008). Sebahagian besar pengalaman yang mereka lalui adalah berkait dengan program pendidikan yang diikuti dan penglibatan mereka secara aktif dalam proses pembelajaran secara formal dan tidak formal yang dilakukan di Krash Pad. Proses yang berlaku dalam seting interaksi sosial yang positif dan penakulan yang berlaku semasa proses tersebut amat memainkan peranan yang penting dalam pembinaan konsep sendiri mereka (Ginsburg-Block, Rohrbeck, & Fantuzzo, 2006). Sudah tentulah proses pembelajaran yang mereka

melalui itu turut melibatkan pemerhatian keatas apa yang berlaku dalam persekitaran semasa. Maka, apabila tindak balas dipengaruhi oleh pemerhatian yang dilakukan terhadap orang lain (*role model*) dalam persekitaran mereka wujudlah pengalaman yang mempengaruhi konsep sendiri dalam diri remaja tersebut (Kochanska & Aksan, 2006).

Melalui program pendidikan yang dijalankan di Krash Pad, mereka diajar oleh guru mereka untuk lebih berdisiplin, mempunyai jati diri dan berdikari. Hal ini dapat dilihat apabila mereka telah menjalani satu program *Home Schooling* iaitu *Water Project* di Sungai Chilling yang memerlukan mereka merentas tujuh sungai bersama-sama guru dan pengiring, pekerja sosial. Bukan itu sahaja, program tersebut dapat melihat kepimpinan dan kerjasama mereka ketika dalam pasukan tidak kira jantina lelaki mahupun perempuan.

Seterusnya, pengalaman latar belakang keluarga yang terdiri dari kelompok keluarga miskin bandar telah menyebabkan mereka untuk bangkit menjadi remaja yang bertanggungjawab. Ini juga selaras dengan desakan kehidupan yang membebaskan membolehkan remaja ini berfikir dengan lebih matang (Black & Lobo, 2008). Apabila mereka di rumah, mereka akan masak sendiri, mengemas rumah, menjaga adik beradik lain dengan berhati-hati kerana mereka sedar keluarga mereka yang miskin dan mempunyai masalah.

Aktiviti yang disediakan oleh pihak organisasi seperti kelas memasak telah melatih diri mereka untuk berdikari ketika ibu bapa tiada di rumah bagi menjaga adik beradik yang lain. Kelas fotografi telah memberi mereka keyakinan untuk bergaul dengan masyarakat luar dan menjadikan mereka seorang jurufoto yang berkemahiran. Manakala, kelas bola sepak telah mendedahkan kepada mereka teknik bermain bola yang betul diikuti dengan peraturan yang telah ditetapkan. Dan kelas taekwondo telah melatih diri mereka bagaimana untuk mempertahankan diri dengan cara yang betul dan menggunakannya ketika keadaan dan situasi yang sesuai.

Soalan kajian bahagian 2: Aktiviti harian yang dilakukan oleh individu yang tidak mempunyai status kewarganegaraan.

Oleh kerana responden merupakan klien di Yayasan Chow Kit, maka aktiviti harian mereka adalah kerap mengikuti program yang dianjurkan oleh pihak organisasi sama ada aktiviti harian atau program besar yang melibatkan organisasi luar. Jika mereka kerap mengikuti program di organisasi, makanya kehadiran mereka ke organisasi adalah sangat kerap. Walaupun begitu, pihak organisasi juga memberi mereka laluan untuk menolak jemputan ke program tersebut jika mereka penat atau tidak berminat terhadap sesuatu program itu. Oleh hal demikian, mereka boleh melakukan aktiviti lain pada waktu lapang mereka. Jika mereka tidak mengikuti program, mereka akan menolong ibu bapa mereka di rumah dengan melakukan kerja-kerja rumah seperti mengemas, memasak dan sebagainya. Mereka juga akan melakukan beberapa aktiviti lain seperti menari, menyanyi dan bermain alat music atau talipon bimbit. Selain itu, beberapa aktiviti masa lapang lain yang dilakukan oleh responden adalah:

Responden/klien 1:

“Hangout alone.....go to the cinema....or looking people on the road....like doing observation....”

Responden/klien 6:

“Saya akan tulis lagu.....saya minat tulis lagu kak.....saya nak jadi penulis lagu kak.....”

Soalan kajian bahagian 3: Cara komunikasi sosial yang digunakan oleh individu yang tidak mempunyai status kewarganegaraan sepanjang kehidupan mereka sehingga sekarang.

Kesemua responden menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dalam percakapan seharian mereka. Hal ini kerana seseorang individu harus mempunyai kemahiran komunikasi yang baik bagi memudahkan untuk berhubung dengan orang lain dengan lebih berkesan (Sharifuddin Ismail &

Halimah Ma'alip, 2008). Sebagai seorang remaja yang masih dalam sesi pembelajaran dan juga sebagai seorang pelajar, kemahiran komunikasi sangat penting untuk berhubungan dengan guru dan rakan sebaya bagi tujuan perbincangan dan bertukar sesuatu pendapat. Bukan itu sahaja, kemahiran komunikasi ini juga penting untuk proses pembelajaran yang mana corak pembelajaran dan pengajaran kini menekankan pelajar untuk mengemukakan pendapat mereka ketika di dalam bilik darjah (Sharifuddin Ismail & Halimah Ma'alip, 2008).

Menurut Coyle (1993), kemampuan komunikasi akan mempengaruhi konsep sendiri seseorang individu justeru, cara seseorang individu berinteraksi akan memberi persepsi tertentu kepada orang lain terhadap dirinya dan persepsi orang lain merupakan penilaian terhadap diri individu tersebut (Sharifuddin & Halimah, 2008). Sebagai contoh, jika seorang guru telah memberi penilaian yang baik kepada pelajar yang boleh berkomunikasi dengan baik maka pelajar tersebut akan mempunyai keyakinan diri yang tinggi lantas telah meningkatkan konsep sendiri mereka.

Walau bagaimana pun, mereka ini tidak menafikan bahawa mereka juga sering menggunakan perkataan yang kurang sopan atau negatif terhadap rakan mereka yang rapat dan rakan yang tidak sensitif terhadap perkataan yang digunakannya. Mereka tidak sewenang-wenangnya menggunakan perkataan tersebut melainkan situasi tersebut dalam keadaan bergurau senda, dalam keadaan marah dan mereka tidak menggunakannya terhadap golongan wanita atau apabila terdapat rakan perempuan yang bersama mereka.

Soalan kajian bahagian 4: Tingkah laku individu yang tidak mempunyai status kewarganegaraan mempengaruhi konsep sendiri.

Hasil didikan yang diberikan, remaja ini telah memberikan respon yang positif terhadap tingkah laku yang dikaji iaitu tingkah laku atau tindakan yang akan dilakukan apabila berjumpa dengan rakan, apabila rakan telah terlibat dengan masalah, buli atau seangkatan dengannya dan apabila rakan baru masuk sekolah. Hal ini dinyatakan oleh Bandura (1973), bahawa individu melihat model diberikan ganjaran atau dendaan bagi sesuatu tingkah laku boleh menyebabkan tingkah laku yang diberikan ganjaran itu ditiru oleh kanak-kanak (Asmawati, 2002).

Majoriti remaja akan melakukan tindakan bertanyakan khabar, mengajak makan bersama dan mula bersembang antara mereka jika mereka berjumpa dengan rakan. Selain itu, terdapat juga respon lain yang diberikan oleh beberapa responden seperti,

“.....jogging.....play games.....”

Remaja ini juga memberikan penyelesaian yang positif apabila ditanyakan berkenaan tindakan yang bakal dilakukan jika terdapat rakan terlibat dalam kes buli atau seangkatan dengannya. Mereka akan memberitahu kepada guru dan pekerja sosial yang berada di tempat itu atau meminta pertolongan orang dewasa jika kejadian tersebut berlaku di luar kawasan organisasi. Selain itu, mereka juga akan bertanyakan kepada rakan itu sebab dibuli atau membuli. Mereka akan memberikan sokongan dan nasihat supaya berhenti membuli atau memberitahu untuk melapor kejadian tersebut kepada pihak yang boleh bertanggungjawab.

Lantas, ditanyakan soalan mengenai tindakan yang diambil jika mempunyai rakan baru yang masuk ke tempat ini, mereka majoritinya akan membuat pemerhatian dahulu kepada remaja baharu itu. Hal ini kerana, mereka ingin mengetahui dan mengenal cara remaja baru itu sama ada remaja itu jenis yang mudah bergaul atau jenis pendiam. Ada di antara mereka yang akan memulakan dahulu perbualan dengan memberitahu berkenaan organisasi ini dan memulakan sesi perkenalan seperti bertanyakan nama, asal dan umur.

Keseluruhannya, boleh disimpulkan bahawa tingkah laku mereka sangat baik dan berdisiplin walaupun ada sedikit kekurangan. Hal ini kerana, mereka sendiri masih berada dalam alam peralihan daripada kanak-kanak ke remaja dan mereka masih lagi mencari identiti diri mereka yang sebenar selaras dengan mereka masih lagi dalam proses pembelajaran pembentukan diri.

Soalan kajian bahagian 5: Impian memiliki status kewarganegaraan mempengaruhi konsep sendiri remaja yang tidak mempunyai status kewarganegaraan.

Setiap yang diucapkan oleh remaja tanpa status kewarganegaraan ini mempunyai impian dan cita-cita seperti warga remaja yang lain, yang mempunyai taraf kewarganegaraan. Majoriti respon mereka adalah untuk meneruskan belajar tanpa menyusahkan ibu bapa dan dapat menikmati faedah seperti remaja yang mempunyai status kewarganegaraan yang dapat memohon bantuan pinjaman atau bantuan pembelajaran, kemudahan pembelajaran, biasiswa belajar dan sebagainya. Mereka juga memberitahu bahawa jika mereka mendapat taraf kewarganegaraan, mereka ingin mendapatkan pekerjaan yang tetap dan bagus.

Selain itu, terdapat juga respon yang lain ketika menemu bual mereka, seperti responden 1 & 2 telah mengatakan bahawa dia akan menolong orang yang senasib dengannya.

Responden/Klien 1:

“help other who like me...”

Responden/Klien 2:

“tolong orang...”

Walau bagaimanapun, apa yang diinginkan oleh mereka tidak mungkin akan tercapai kerana mereka sedar bahawa mereka tidak mempunyai status kewarganegaraan, maka mereka tidak mungkin dapat menikmati apa yang mereka impikan itu seperti remaja lain yang . Namum itu tidak menghalang mereka untuk meneruskan kehidupan dengan terus mengikuti program yang dijalankan di KL Krash Pad.

Kesimpulan

Dari dapatan kajian kes ini jelas menunjukkan bahawa remaja tanpa status warganegara ini sememangnya mempunyai inspirasi dan harapan yang tinggi terhadap masa depan mereka dan mengharapkan sesuatu yang terbaik walaupun mereka sedar bahawa untuk mencapainya bukan sesuatu yang akan berlaku dengan mudah. Namum begitu, dalam membina jati diri dan mempunyai konsep sendiri yang kuat, remaja perlu memahami tentang kepentingan keyakinan diri dan tidak mudah putus asa (Pomerantz & Saxon, 2001).

Dengan penyelidikan ini juga, diharap dapat membantu menambahkan maklumat mengenai kekangan yang dihadapi oleh anak-anak remaja tanpa status kewarganegaraan ini untuk pengetahuan kepada ibu bapa, organisasi luar, masyarakat dan penyelidik pada masa hadapan. Oleh itu jelas, kajian ini dapat mengenalpasti beberapa faktor lain secara khususnya seperti kepuasan sendiri, sendiri fizikal, sendiri peribadi, sendiri moral dan etika, sendiri keluarga, dan kritik diri. Malah sebab lain adalah dari segi persepsi masyarakat terhadap remaja-remaja ini dan sokongan dan dorongan daripada ibu bapa atau penjaga terhadap mereka. Di samping itu, ia dapat membantu golongan remaja ini untuk mengatasi halangan-halangan yang ada supaya mereka dapat mendekati dengan lebih baik bersama masyarakat setempat.

Sebagai konklusinya, pengkaji mengharapkan kajian dalam bidang ini dapat berjalan secara berterusan dengan menggunakan skop yang lebih kecil dan lebih terperinci oleh pengkaji seterusnya. Ini adalah kerana hasil dari kajian yang dijalankan ini dapat membantu pihak organisasi ini sendiri bagi membuat penambahbaikan dan mendapatkan idea untuk membuat program dan intervensi yang lebih baik terutamanya dalam bahagian sosial bagi membantu pekerja sosial mewujudkan intervensi yang bersesuaian pada masa akan datang. Selain itu, ianya juga diharap dapat membantu dalam memahami skop intervensi yang sebenar kepada masalah remaja yang berada di KL Klash Pad.

Rujukan

- Agnew, R., Matthews, S.K., Bucher, J., Welcher, A.N., and Keyes, C. (2008). Socioeconomic status, economic problems, and delinquency. *Youth and Society*, 40. 159-181.
- Allyn & Bacon (2001) *Educational Psychology* (8th ed.), United Kingdom: Pearson Education Inc.
- Asmawati D. (2002) *Psikologi untuk Golongan Profesional*, Malaysia: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Black, K., and Lobo, M. (2008). A conceptual review of family resilience factors. *Journal of Family Nursing*, 14. 33-55.
- Caspi A. (2000). The child is father of the man: Personalities continuities from childhood to adulthood. *Journal of Personality and Social Psychology*, 78, 158-172.
- Eckerman, C.O. & Peterman, K. (2001). *Peers and infants social/communicative development*. Boston. Blackwell.
- Ginsburg-Block, M.D., Rohrbeck, C.A., & Fantuzzo, J.W. (2006). A meta-analytic review of social, self-concept, and behavioural outcomes of peer-assisted learning. *Journal of Educational Psychology*. 98,. 732-749.
- Kamarudin Hj. Husin (2010) *Psikologi Pembelajaran*, Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kochanska G. & Aksan, N. (2006). Children's conscience and self-regulation. *Journal of Personality*. 74. 1587-1617.
- Muhammad Nadzir Ibrahim & Kamarul Ismail (2014) *Manual Konsep Negara Elemen Rakyat*, Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Muin, Idianto. (2013) *Sosiologi untuk SMA/MA Kelas X, Kelompok Peminatan Ilmu-Ilmu Sosial*, Hal : 76-79, Jakarta: Erlangga
- Nurul Anuar Kari (2013) *Trend Migrasi Warga Asing*, Utusan Melayu (M) Berhad, Diakses pada 25 Ogos 2017, Artikel penuh: http://ww1.utusan.com.my/utusan/Rencana/20130112/re_08/Trend-migrasi-warga-asing#ixzz4qr41eXf7.
- Pomerantz, E.M. & Saxon, J.L. (2001). Conceptions of ability as stable and self evaluation processes: A longitudinal examination. *Child Development*. 72. 152-173.
- Papalia D. E., Olds S. W., & Feldman R. D. (2001) *Human Development* (8th ed.), Boston: McGraw-Hill
- Ramli, Jamaludin (2010) Bab 6: Pengertian konsep sendiri, *Psikologi Pendidikan*, pp. 1-9, Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia
- Shahabuddin Hashim, Mahani Razali & Ramlah Jantan (2003) *Psikologi Pendidikan*, Malaysia: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Shahrin Hashim, Azizi Yahaya & Yusof Boon (2008) *Psikologi Pendidikan*, Malaysia: UTM Press
- Yusof Boon & Jamaluddin Ramli (2008) *Isu-isu dalam Psikologi Pendidikan Sekolah*, Malaysia: UTM Press
- Woolfolk A. E. (2012) *Psikologi Pendidikan Edisi Kelapan*, Malaysia: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad & Universiti Utara Malaysia